



**DR. 21 TAHUN 2021
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) /
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG**

AKTIVITI KAWALAN TERHADAP PEKERJA ASING



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
5. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
6. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
7. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
8. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
11. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
12. YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
13. YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]
14. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN DALAM NEGERI (KDN) /
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) BAGI SYOR-
SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG AKTIVITI KAWALAN PEKERJA ASING	1 - 5
2	TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) / KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG AKTIVITI KAWALAN PEKERJA ASING (DR10/2020)	6 - 15

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
AKTIVITI KAWALAN PEKERJA
ASING**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) /
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**

AKTIVITI KAWALAN TERHADAP PEKERJA ASING

1 LATAR BELAKANG

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan mengenai Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing Di Bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) / Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada 10 Oktober 2019 iaitu dalam Prosiding Bilangan 36/2019.

- 1.2 Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.
- 1.3 Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam pengurusan Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KDN, KSU KSM dan Ketua Pengarah (KP) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.
- 1.4 Pada 24 November 2020 Jawatankuasa ini membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing Di Bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) / Kementerian Sumber Manusia (KSM) di Dewan Rakyat.
- 1.5 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan sembilan (9) syor yang perlu diambil tindakan oleh KDN/KSM.
- 1.6 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil KDN/KSM selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat:
 - 1.6.1 KDN dan KSM harus mewujudkan sistem bersepadu dalam pengurusan dan kawalan pengambilan pekerja asing bagi kelangsungan data merentasi kementerian dan jabatan;
 - 1.6.2 Semua permohonan kuota pekerja asing hendaklah dibuat menerusi Sistem Permohonan Pekerja Asing KSM (*ePPAx*) dan Sistem Imigresen Malaysia (*MyIMMs*). Kelulusan khas hanya terpakai dalam kes-kes rayuan bermerit atau projek khas negara sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri. KDN tidak boleh mentafsir permohonan yang dihantar kepada

Menteri Dalam Negeri (MDN) tanpa melalui sistem ePPAx dan MyIMMs sebagai satu rayuan.

- 1.6.3 PAC berpendapat tidak seharusnya wujud mana-mana 'pengantara' dalam permohonan kuota pekerja asing dan mengesyorkan satu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap peranan 'pengantara' yang terlibat.
- 1.6.4 PAC mengesyorkan tiada pengecualian boleh diberikan untuk pengambilan pekerja asing dalam subsektor beku.
- 1.6.5 Polis Diraja Malaysia (PDRM) hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap dakwaan kecurian dan penyalahgunaan ID Pengguna dalam sistem MyIMMs.
- 1.6.6 Pemeriksaan kesihatan *Foreign Workers' Medical Examination* (FOMEMA) terhadap bakal pekerja asing perlu disegerakan oleh majikan iaitu dalam tempoh 30 hari dari hari ketibaan. Penguatkuasaan yang tegas oleh JIM hendaklah dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi pemeriksaan ini.
- 1.6.7 Kerja-kerja menaik taraf depot yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), *Rolling Plan* 4 (RP 4) haruslah diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke -12 (RMK-12). Dana yang mencukupi juga harus diberikan bagi memenuhi keperluan kebajikan, kos perubatan dan usaha menangani penularan penyakit berjangkit sepertimana dimohon oleh JIM.
- 1.6.8 KDN melalui JIM perlu meneruskan Projek Rintis *Alternative To Detention* (ATD) Bagi Kanak-kanak Tanpa Penjaga Dan Kanak-kanak Terpisah Dalam Tahanan Imigresen yang telah dirancang dilaksanakan pada April 2020. KDN juga haruslah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk meneruskan penempatan wanita dan kanak-kanak dari depot ke pusat seliaan Majlis Anti Pmerdagangan Orang (MAPO).

1.6.9 KDN harus membuat perundingan semula dengan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) bagi penyelesaian pendaftaran tahanan berstatus pelarian di depot imigresen seluruh negara. KDN dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu mewujudkan satu unit khusus bagi memproses sebarang *Standard Operating Procedures* (SOPs) untuk menangani kemasukan dan kebajikan pelarian di negara kita.

1.7 Sehubungan itu, KDN/KSM bersama-sama dengan pihak JIM telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KDN/KSM ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 10/2020 di hadapan PAC Parlimen pada 15 September 2021.

2 PENDAHULUAN

2.1 Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing Di Bawah KDN/KSM adalah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.

2.2 Prosiding PAC yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	10 Oktober 2019/ 11.00 pagi	Bil. 36/2019	i. YBhg. Dato' Amir Bin Omar [KSU, KSM] ii. YBhg. Dato' Seri Alwi Bin Haji Ibrahim [KSU, KDN] iii. YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie Bin Daud [KP, JIM]

2.3 Laporan PAC Parlimen Berhubung Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing Di Bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) / Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 24 November 2020. Surat PAC bertarikh 24 November 2020 rujukan PAR/PAC 3/25/15 (50) telah mengemukakan rumusan dan syor-syor berhubung Laporan PAC Parlimen DR. 10/2020 dan berkehendakkan tindakan susulan dari KDN dan KSM.

- 2.4 KDN mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis ke Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020. Manakala Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat rujukan MOF BKSK(R) 600-7/1/3 JLD. 4 (12) bertarikh 19 Ogos 2021 telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KDN dan KSM ke Atas Syor-syor Laporan PAC Parlimen DR. 10/2020.

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(KDN) / KEMENTERIAN SUMBER
MANUSIA (KSM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN DR10/2020**

3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

3.1 Syor 1: KDN dan KSM harus mewujudkan sistem bersepadu dalam pengurusan dan kawalan pengambilan pekerja asing bagi kelangsungan data merentasi kementerian dan jabatan.

Maklum Balas KDN/KSM

- 3.1.1 Daripada segi pengurusan dan pengambilan pekerja asing, KDN dan KSM mempunyai sistem tersendiri yang berbeza fungsinya mengikut bidang kuasa Kementerian masing-masing.
- 3.1.2 Sistem *MyIMMs* di bawah KDN merupakan sistem yang mengawal selia urusan keluar masuk dan keberadaan warga asing di Malaysia. Manakala Sistem *ePPAx* di bawah KSM bertujuan untuk permohonan kuota, semakan isu-isu perburuhan dan perlindungan pekerja serta kelayakan majikan.
- 3.1.3 Sistem Imigresen dan sistem yang dibangunkan di bawah KSM berfungsi secara integrasi antara satu sistem dengan sistem yang lain dan sentiasa ditambahbaikkan mengikut keperluan semasa berdasarkan keputusan-keputusan terkini Kerajaan berhubung pengurusan penggajian pekerja asing.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan perkara di atas.

3.2 Syor 2: Semua permohonan kuota pekerja asing hendaklah dibuat menerusi Sistem *ePPAx* dan *MyIMMs*. Kelulusan khas hanya terpakai dalam kes-kes rayuan bermerit atau projek khas negara sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri. KDN tidak boleh mentafsir permohonan yang dihantar kepada MDN tanpa melalui sistem *ePPAx* dan *MyIMMs* sebagai satu rayuan.

Maklum Balas KDN/KSM

- 3.2.1 Secara ringkasnya, proses pengeluaran keputusan di KSM mengambil masa di antara 30 hingga 60 hari di mana tempoh 30 hari pertama adalah khusus untuk tujuan pengiklanan kekosongan jawatan dan tindakan penempatan pekerjaan di PERKESO dan tempoh 30 hari seterusnya melibatkan proses siasatan di Jawatankuasa Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). Namun begitu, kedua-dua proses di JTKSM dan PERKESO boleh dijalankan secara serentak (*concurrent*).
- 3.2.2 *One Stop Centre* (OSC) KDN menetapkan keputusan permohonan dimaklumkan kepada majikan dan direkodkan dalam sistem *MyIMMs* pada hari yang sama selepas temu duga.
- 3.2.3 Permohonan Rayuan Khas Pekerja Asing (Kelulusan Khas) kepada MDN mestilah mempunyai bukti penolakan permohonan sama ada di peringkat penilaian JTKSM melalui *ePPAx* atau selepas temu duga di OSC KDN melalui Akuan Penerimaan (AP) dalam sistem *MyIMMs*.
- 3.2.4 Penambahbaikan SOP Permohonan Rayuan Khas Pekerja Asing (Kelulusan Khas) telah diangkat kepada pengurusan atasan KDN dan telah diluluskan oleh KSU KDN pada 24 Mac 2021.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum berkenaan penambahbaikan SOP yang telah diperkenalkan oleh KDN, khususnya berkenaan dengan Permohonan Rayuan Khas Pekerja Asing (Kelulusan Khas).

- 3.3 Syor 3: PAC berpendapat tidak seharusnya wujud mana-mana ‘pengantara’ dalam permohonan kuota pekerja asing dan mengesyorkan satu siasatan SPRM terhadap peranan ‘pengantara’ yang terlibat.**

Maklum Balas KDN/KSM

- 3.3.1 SOP OSC KDN menetapkan semua urusan di kaunter hendaklah diuruskan secara terus dengan majikan/wakil majikan atau Agensi Pekerjaan Swasta (APS) berlesen.
- 3.3.2 OSC KDN memproses permohonan kelulusan khas yang telah diminitkan oleh MDN mengikut SOP yang telah diwujudkan. Bagaimanapun, KDN sentiasa terbuka dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak SPRM untuk menilai dan menyiasat peranan pengantara atau pihak ketiga ini dalam proses permohonan pekerja asing.
- 3.3.3 Sesi perbincangan dan pemeriksaan ke atas Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja berkaitan Kawalan Pekerja Asing bersama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM telah diadakan pada 7 April 2021.
- 3.3.4 Kes telah disiasat oleh pihak SPRM melalui satu(1) fail penyiasatan pada tahun 2019. Hasil siasatan tidak membuktikan kes di peringkat *prima facie* dan berkeputusan *No Further Action*.

Ulasan PAC

PAC mendapati SPRM tidak melaksanakan siasatan seperti yang disyorkan. PAC tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan SPRM kerana siasatan yang telah dilakukan adalah sebelum Laporan PAC dibentangkan. SPRM hendaklah membuka kertas siasatan baharu berdasarkan fakta-fakta dan penemuan terkini seperti dalam Laporan PAC.

- 3.4 Syor 4: PAC mengesyorkan tiada pengecualian boleh diberikan untuk pengambilan pekerja asing dalam subsektor beku.**

Maklum Balas KDN/KSM dan KPWKM

- 3.4.1 Pada 8 Ogos 2019, Kerajaan telah bersetuju menutup penggajian pekerja asing secara berperingkat bagi sektor tukang gunting rambut, tukang emas, tekstil, dobi, borong dan runcit. Permohonan penggantian akan dihentikan sepenuhnya pada 1 Januari 2021 dan PLKS pekerja asing sedia ada dibenarkan sehingga tahun 2023.
- 3.4.2 Melalui kertas pertimbangan KDN pada 3 Disember 2020, Kerajaan telah bersetuju menutup penggajian pekerja asing bagi sektor barangan logam/lusuh/terpakai serta merta manakala Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing sedia ada hanya dibenarkan sehingga tahun 2024.
- 3.4.3 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tetap dengan pendirian terdahulu iaitu penggajian pekerja asing dalam sub sektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti kekal berstatus beku. Pendirian ini disokong melalui dapatan kajian yang telah dijalankan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum berkenaan perkara ini.

- 3.5 Syor 5: PDRM hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap dakwaan kecurian dan penyalahgunaan ID Pengguna dalam sistem *MyIMMs*.**

Maklum Balas KDN, PDRM dan JIM

- 3.5.1 Pada 2 hingga 12 Disember 2019 dan 12 Februari 2020, seramai lapan (8) orang suspek telah ditangkap. Tangkapan bekerja sebagai ejen pekerja asing secara langsung atau pun tidak langsung.

- 3.5.2 Pada 17 Mac 2020, 8 Julai 2020 dan 14 September 2020, kes ini telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara (AGC), Putrajaya dengan cadangan menuduh satu (1) tangkapan bersama dua (2) ahli keluarga tangkapan ini di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (tipu) dan 424 Kanun Keseksaan (mengalih atau menyembunyikan harta dengan curang atau penipuan).
- 3.5.3 AGC mengarahkan siasatan diperkemas dari sudut pemalsuan dokumen. Pada 12 Mac 2020, satu laporan polis telah dibuat oleh pegawai penyiasat bagi siasatan di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Dari Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (AMLATFPUAA).
- 3.5.4 Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, JIM dengan kerjasama SPRM telah melaksanakan operasi bersepadu (OPS HACKS) pada 6 April 2021. Sebanyak 22 lokasi melibatkan kediaman dan syarikat digeledah dan 12 tangkapan telah dibuat untuk membantu siasatan. Sebanyak 147 akaun berjumlah RM9.93 juta turut dibekukan.
- 3.5.5 Siasatan lanjut bagi pengesahan beberapa syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan dilaksanakan. Kertas siasatan akan diedarkan ke AGC pada minggu ketiga bulan September 2021.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum status serta kemajuan siasatan pihak PDRM, JIM dan SPRM terhadap dakwaan kecurian dan penyalahgunaan ID Pengguna dalam sistem *MyIMMs*.

- 3.6 Syor 6: Pemeriksaan kesihatan FOMEMA terhadap bakal pekerja asing perlu disegerakan oleh majikan iaitu dalam tempoh 30 hari dari hari ketibaan.**

Penguatkuasaan yang tegas oleh JIM hendaklah dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi pemeriksaan ini.

Maklum Balas KDN dan JIM

- 3.6.1 JIM telah mengadakan perbincangan pada 9 September 2021 dengan pihak FOMEMA mengenai integrasi sistem di antara Sistem MyIMMs dengan Sistem FOMEMA.
- 3.6.2 FOMEMA bersetuju untuk menambah baik sistem *push mail* yang memberi notifikasi dan peringatan kepada majikan untuk membawa pekerja asing yang baharu masuk ke Malaysia membuat pemeriksaan kesihatan setelah tempoh pas khas yang dikeluarkan oleh pintu masuk tamat.
- 3.6.3 Integrasi di antara Sistem FOMEMA dan Sistem MyIMMs (modul kawalan di pintu masuk) akan dibincangkan secara terperinci oleh *team* teknikal kedua-dua pihak.
- 3.6.4 Proses lanjutan PLKS pekerja sedia ada akan turut terjejas sekiranya majikan gagal membuat pemeriksaan kesihatan terhadap bakal pekerja asing mereka dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ketibaan. Majikan dan syarikat berkenaan akan turut disenaraihitamkan dalam Sistem MyIMMs.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum terhadap inisiatif serta penambahbaikan terhadap integrasi di antara Sistem FOMEMA dan Sistem *MyIMMs* yang diambil oleh pihak KDN dan JIM. PAC turut mengambil maklum langkah pencegahan KDN dan JIM untuk menyenaraihitamkan majikan dan syarikat yang tidak mengikut ketetapan prosedur pemeriksaan kesihatan FOMEMA terhadap bakal pekerja asing.

- 3.7 Syor 7: Kerja-kerja menaik taraf depot yang telah diluluskan dalam RMK-11, RP 4 haruslah diteruskan dalam RMK-12. Dana yang mencukupi juga harus**

diberikan bagi memenuhi keperluan kebajikan, kos perubatan dan usaha menangani penularan penyakit berjangkit sepertimana dimohon oleh JIM.

Maklum Balas KDN dan JIM

- 3.7.1 Terdapat tujuh (7) projek JIM berkaitan kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan semula depot yang merangkumi enam (6) projek sambungan daripada RP4 RMK-11 dan satu (1) projek baharu RP1 RMK-12 dengan kos keseluruhan RM274.3 juta.
- 3.7.2 Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin tahun 2020, sejumlah RM1.75 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih depot JIM. Pada tahun 2021, peruntukan yang telah diluluskan kepada KDN untuk kesemua projek tersebut berjumlah RM37.3 juta.
- 3.7.3 Antara penambahbaikan skop depot yang dilaksanakan bagi pembinaan depot baharu adalah seperti pembinaan sel khas bagi tahanan yang mempunyai anak, pembinaan taman permainan kanak-kanak dan penambahan bilangan tandas di dalam setiap sel daripada dua (2) unit kepada empat (4) unit.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum terhadap status terkini projek-projek penambahbaikan depot serta pelan tindakan dan SOP yang telah ditetapkan pihak JIM bagi mengawal penularan penyakit berjangkit. PAC dimaklumkan JIM bahawa kerjasama daripada pihak kedutaan pendatang asing yang ditahan amat diperlukan kerana kapasiti depot sedia ada berada pada tahap yang hampir maksimum dan terdapat tahanan yang telah dua (2) tahun ditahan.

3.8 Syor 8: KDN melalui JIM perlu meneruskan Projek Rintis ATD Bagi Kanak-kanak Tanpa Penjaga Dan Kanak-kanak Terpisah Dalam Tahanan Imigresen

yang telah dirancang dilaksanakan pada April 2020. KDN juga haruslah bekerjasama dengan KPWKM untuk meneruskan penempatan wanita dan kanak-kanak dari depot ke pusat seliaan MAPO.

Maklum Balas KDN dan KPWKM

- 3.8.1 Jemaah Menteri pada 21 April 2021 telah bersetuju dengan pelaksanaan projek rintis ATD bagi kanak-kanak tanpa penjaga dan terpisah (*unaccompanied and separated children – UASC*) selama satu (1) tahun susulan pembentangan Memorandum daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MPWKM) dan MDN.
- 3.8.2 Perantaraan ke hadapan akan diterajui oleh KPWKM dengan kerjasama KDN bagi menentukan pelaksanaan ATD yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.
- 3.8.3 Satu Mesyuarat *Kick-Off* Pelaksanaan Projek Rintis ATD bersama agensi pelaksana telah diadakan pada 10 Jun 2021 dan bersetuju supaya pengoperasian projek rintis ditangguhkan buat sementara dan akan ditentukan berdasarkan pelaksanaan PKP. Perbincangan berkenaan tarikh pengoperasian akan diadakan bergantung kepada situasi COVID-19 dalam negara.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum terhadap status terkini Projek Rintis ATD Bagi Kanak-kanak Tanpa Penjaga Dan Kanak-kanak Terpisah Dalam Tahanan Imigresen.

- 3.9 **Syor 9: KDN harus membuat perundingan semula dengan UNHCR bagi penyelesaian pendaftaran tahanan berstatus pelarian di depot imigresen seluruh negara. KDN dengan kerjasama MKN perlu mewujudkan satu unit**

khusus bagi memproses sebarang SOP untuk menangani kemasukan dan kebajikan pelarian di negara kita.

Maklum Balas KDN

- 3.9.1 Pada 24 September 2020, KDN bersetuju supaya JIM dan PDRM menjalankan tapisan awal terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) di Depot Imigresen sebelum disenarai pendek untuk dipanjangkan kepada UNHCR bagi tujuan penilaian dan penentuan status pelarian.
- 3.9.2 Kebenaran akses pihak UNHCR ke Depot Imigresen adalah tertakluk kepada keputusan tapisan awal tersebut. Susulan itu, cadangan penubuhan jawatankuasa bagi menilai tahanan di Depot Imigresen berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh JIM dan PDRM telah dimuktamadkan dan dipersetujui Peringkat Tertinggi Pengurusan KDN.
- 3.9.3 Bagi pelaksanaan Fasa 1, seramai 30 orang tahanan telah dikenal pasti untuk dinilai di bawah Jawatankuasa Pra-Kelayakan Tapisan Keselamatan Pendatang Asing Tanpa Izin. Mereka pada awalnya di tempatkan di Kem Wawasan Negara, Langkawi sebelum ditempatkan semula di Depot Imigresen Sungai Bakap, Pulau Pinang dan Depot Imigresen Bidor, Perak. Berdasarkan maklumat terkini daripada PDRM sesi temu duga dengan tahanan di Depot Imigresen Bidor telah dijalankan dari 26 hingga 30 Julai 2021. Manakala sesi temu duga di Depot Imigresen Sungai Bakap telah diadakan pada 16 hingga 20 Ogos 2021.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan perkara di atas dan bersetuju dengan tindakan susulan yang telah diambil oleh pihak KDN khususnya berkenaan tapisan awal oleh pihak JIM dan PDRM terhadap PATI di Depot Imigresen agar penilaian dan penentuan status pelarian dapat ditentukan sebelum dipanjangkan kepada UNHCR.

4 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh KDN/KSM selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Rabu, 15 September 2021**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 15 September 2021

MESYUARAT

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:

AKTIVITI KAWALAN PEKERJA ASING

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz,
Ketua Setiausaha KDN

Kementerian Sumber Manusia (KSM)

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar,
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 15 SEPTEMBER 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha]
YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Kawalan)]
Encik Khairul Nizam bin Zainon [Setiausaha Bahagian Pengurusan Pekerja Asing]
Encik W.Husbi bin W.Mohd [Setiausaha Bahagian Hal -Ehwal Imigresen]
Encik Nikrul Tarmizi bin Awalludin [Setiausaha Bahagian Audit Dalam]
Encik Wan Mohammed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian Hal-Ehwal Imigresen II]
Encik Mohd Khairul Nizam bin Jamalus [Timbalan Setiausaha Bahagian Hal-Ehwal Imigresen II]
Encik Roslan bin Mohd Dah [Timbalan Ketua Audit Dalam I]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)]

Encik Bashah bin Bachik [Timbalan Setiausaha Bahagian, Cawangan Perburuhan Dasar]

Kementerian Kewangan Malaysia

YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Mohd Azman bin Haji Mohd Ariffin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar dan Perancangan Strategik)]

Polis Diraja Malaysia

SAC Victor bin Sanjos [Timbalan Pengarah JSJK, Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, JSJK]

SUPT. Rozeni bin Ismail [Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Telekomunikasi, Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, JSJK]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Cik Nor Faemah binti Ismail [Pegawai Siasatan SPRM]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Megat Yusman bin Megat Jamaludin [Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan]

Jabatan Imigresen Malaysia

YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Pengarah Imigresen]

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Encik Asri bin Ab. Rahman [Ketua Pengarah]

Encik Wan Ismail bin Wan Ibrahim [Pengarah, Bahagian Pekerja Asing]

Jabatan Peguam Negara

Tuan Azroul Hisham bin Azulan [Peguam Kanan Persekutuan / L54 & Bahagian Penasihat]

Jabatan Audit Negara

Puan Raftah binti Ibrahim [Pengarah / Jusa C]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Siti Mariam binti Mat Noh [Ketua Penolong Pengarah Kanan WA54]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA****Rabu, 15 September 2021****Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.33 petang***[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, *I call the meeting to order* ya. Okey, salam sejahtera, selamat petang dan selamat datang kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Keempat Belas, ex-officio PAC Parlimen yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, dan Unit Perancang Ekonomi. Pihak Audit ada pada hari ini? Jabatan Audit Negara ada? Oh, semalam tidak ada ya. Okey, terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat PAC pada petang ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian, petang ini PAC Parlimen akan mendengar maklum balas daripada MoF dan juga Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) berhubung laporan jawatankuasa ini mengenai Aktiviti Kawalan Pekerja Asing iaitu DR10/2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 24 November 2020. Pembentangan maklum balas ini adalah berdasarkan punca kuasa Arahan Perbendaharaan 304(b) yang menetapkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk melaporkan semula kepada PAC berhubung syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini dalam laporannya yang dibentangkan di Dewan Rakyat.

Hadir di hadapan PAC adalah Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies selaku Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) yang mewakili KSP, Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri serta Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud selaku Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, dan juga Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Operasi) Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang mewakili KSU KSM. Saya difahamkan KSM masih belum mempunyai KSU kerana KSU sebelum ini telah pun bersara.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian untuk makluman semua isu Aktiviti Kawalan Pekerja Asing ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2018

Siri Satu dan PAC telah mengadakan prosiding kita pada 10 Oktober 2019. Lanjutan daripada prosiding itu, PAC Parlimen turut mengadakan lawatan kerja ke Depot Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan pada 19 Februari 2020. Pada masa itu, Pengerusi PAC masih Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad. Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini ingin menjemput Yang Berbahagia Datin Rashidah, wakil kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk memulakan pembentangan pada petang ini. Sekian, terima kasih. Silakan Yang Berbahagia Datin.

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin selaku Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC Parlimen, Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia, pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen sekalian.

Aktiviti kawalan pekerja asing oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia telah dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri Satu. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen pada 10 Oktober 2019 iaitu dalam prosiding Bilangan 36 2019. Setelah selesai sesi prosiding tersebut, PAC Parlimen telah mengemukakan sembilan syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal Kementerian Dalam Negeri dan KSM selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b).

Untuk makluman Ahli-ahli PAC Parlimen, MoF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri dan KSM ke atas syor-syor PAC bagi prosiding Dewan Rakyat 10 2020 iaitu Aktiviti Kawalan Pekerjaan Asing kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 19 Ogos 2021. Sehubungan dengan itu, pada hari ini MoF bersama Kementerian Dalam Negeri dan KSM akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC Parlimen berhubung tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dan KSM berhubung dengan isu ini. Izinkan saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri untuk menyampaikan taklimat seterusnya. Silakan Datuk.

Tuan Pengerusi: Dipersilakan Datuk.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wong Kang Woh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Dato' Azizah binti Mohd Dun selaku Timbalan Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, dan Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi ruang dan peluang kepada KDN dan juga agensi di bawah KDN iaitu Jabatan Imigresen serta Kementerian Sumber Manusia untuk membentangkan syor-syor yang telah dikemukakan oleh pihak PAC pada perjumpaan yang lepas.

Saya terus kepada isu yang pertama, Tuan Pengerusi. Pertama adalah berkaitan dengan syor pertama: KDN dan KSM harus mewujudkan sistem bersepadu dalam pengurusan dan kawalan pengambilan pekerja asing supaya adanya kelangsungan data dari satu medan ke medan operasi yang lain merentasi kementerian dan jabatan.

■1440

Jadi, daripada segi pengurusan dan pengambilan pekerja asing Tuan Pengerusi, KDN dan KSM mempunyai sistem tersendiri yang berbeza fungsinya mengikut bidang kuasa kementerian masing-masing. Di mana KDN menggunakan sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs), yang mana sistem ini mengawal selia urusan keluar masuk dan keberadaan semua warga asing di Malaysia. Manakala sistem pengurusan pekerja asing bersepadu (ePPAx) yang diwujudkan di bawah KSM adalah bertujuan untuk menyemak isu-isu berkaitan dengan perburuhan, perlindungan pekerjaan dan kelayakan majikan.

Jadi, sistem Imigresen dan sistem yang dibangunkan di bawah KSM pada masa ini memang berfungsi secara integrasi antara satu sistem dengan sistem yang lain, dan sentiasa ditambah baik yang melibatkan beberapa sistem yang sesuai mengikut keperluan semasa berdasarkan keputusan-keputusan terkini kerajaan berhubung pengurusan pekerja asing. Contoh yang terbaharu adalah integrasi yang kita laksanakan di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan juga Rekalibrasi Pulang bagi pendatang tanpa izin di mana kelulusan kuota majikan akan dihantar terus daripada sistem ePPAx di bawah KSM kepada sistem MyIMMs yang bertujuan untuk melancarkan proses urusan seterusnya di peringkat Jabatan Imigresen dari segi kelulusan untuk mereka bekerja. Jadi, dari situ kita lihat telah ada satu integrasi sistem yang agak menyeluruh dan integrasi ini sebenarnya bermula dari tahun 2017 lagi. Kita sentiasa tambah baik supaya maklumat-maklumat yang ada di dalam ePPAx akan boleh diguna pakai secara langsung di bawah sistem myIMMs Imigresen, Tuan Pengerusi.

Seterusnya, syor kedua. KDN dan KSM hendaklah menentukan semua permohonan untuk kuota pekerja asing dibuat melalui permohonan biasa iaitu menerusi sistem ePPAx dan MyIMMs di mana keputusan permohonan diberikan dalam tempoh masa tertentu yang munasabah. Kelulusan khas hanya harus terpakai dalam kes-kes rayuan bermerit atau projek khas negara sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri. Secara khususnya, KDN tidak boleh mentafsir permohonan yang dihantar kepada Menteri Dalam Negeri tanpa melalui sistem sebagai satu rayuan. Jadi Tuan Pengerusi, secara ringkasnya proses pengeluaran

keputusan di Kementerian Sumber Manusia mengambil masa di antara 30 hingga 60 hari. Di mana 30 hari itu adalah tempoh untuk tujuan pengiklanan kekosongan jawatan dan tindakan penempatan pekerja di PERKESO. Maknanya, sebelum permohonan tersebut diluluskan oleh JTKSM, tempoh 30 hari diperlukan untuk mengiklankan dahulu jawatan tersebut kepada rakyat tempatan, warga tempatan. Kemudian sekiranya tidak ada *takers*, barulah kita proses permohonan yang dimohon oleh syarikat-syarikat untuk mengambil pekerja asing.

Manakala, OSC KDN ini merupakan tapisan kedua yang menetapkan keputusan dimaklumkan kepada majikan pada hari yang sama. KDN juga telah menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSU KDN untuk penilaian rayuan sebelum diangkat kepada Menteri Dalam Negeri. Jadi, saya boleh simpulkan begini Tuan Pengerusi. Setelah mendapat kelulusan daripada JTKSM, kelulusan tersebut akan dibawa ke *one stop centre* yang berada di KDN. Di mana *one stop centre* tersebut dianggotai oleh AKS ataupun yang menjaga industri masing-masing. Contohnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk sektor borong dan runcit, MITI untuk industri perabot dan sebagainya. Jadi, di situ akan ada tapisan kedua. Setelah tapisan kedua itu lulus, pada hari yang sama juga setelah dibuat pembayaran levi, maka keputusan dapat dikeluarkan kepada pihak pemohon.

Permohonan Rayuan Khas Pekerja Asing (Kelulusan Khas) kepada Menteri Dalam Negeri telah dibuat satu keputusan Tuan Pengerusi, di mana mestilah mempunyai bukti penolakan permohonan terlebih dahulu sama ada di peringkat penilaian JTKSM melalui ePPAx ataupun selepas temu duga di OSC KDN melalui Akuan Penerimaan (AP) dalam sistem MyIMMs. Maknanya, permohonan rayuan ini tidak boleh dibuat secara langsung sekarang ini. Kita telah mengambil satu pendekatan yang lebih menyeluruh di mana yang hendak membuat rayuan tersebut mesti membuktikan terlebih dahulu kepada pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa permohonan mereka telah ditolak mungkin kali pertama di peringkat JTKSM dan yang kedua, mungkin telah ditolak di peringkat *one stop centre* yang dianggotai oleh agensi kawal selia yang berada di bawah *one stop centre* tersebut.

Jadi, penambahbaikan SOP permohonan Permohonan Rayuan Khas Pekerja Asing (Kelulusan Khas) ini telah diangkat kepada pengurusan atasan KDN dan telah diluluskan oleh KSU KDN pada 24 Mac 2021. *Okay, next.*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Datuk.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi: Datuk.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi: Saya tanya satu soalan dahulu ya.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, silakan.

Tuan Pengerusi: Berkenaan dengan poin ketiga ini, Permohonan Rayuan Khas Pekerja Asing kepada MDN, maksudnya pada masa sekarang kesemua permohonan hendaklah menerusi ePPAx dan juga— ataupun OSC KDN terlebih dahulu?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Tuan Pengerusi: Berbanding dengan yang sebelum inilah?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Tuan Pengerusi: Bilakah keputusan ini dibuat? Penambahbaikan ini dibuat?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: 24 Mac 2021.

Tuan Pengerusi: 24 Mac itu item yang lain kan atau sama? 24 Mac.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. So, maksudnya SOP yang empat itu dirujuk kepada perenggan tiga?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey, faham.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Sedikit sahaja. Maklumat ini digazetkan ataupun dimaklumkan kepada siapa? Ini kerana kalau mengikut apa yang telah kita bincangkan dalam PAC ini, ia macam ada laluan-laluan khas tidak melalui— terus kepada Menteri, contohnya kan? Jadi, macam mana kita hendak mengatasi persoalan tersebut? Kalau ia pergi kepada OSC dan sebagainya, mungkin kita dapat maklumat itu dan kita boleh kata sudah melalui proses. Akan tetapi kalau *direct* ke Menteri?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey. Dalam SOP ini Yang Berhormat, kita telah menetapkan bahawa semua permohonan yang dihantar ke pejabat Menteri perlu dikemukakan semula ke Bahagian Pekerja Asing di KDN dan telah ditubuhkan. Sekarang ini Menteri tidak akan membuat kelulusan secara langsung tetapi akan dibawa ke panelnya, Yang Berhormat. Segala rayuan— pertama, kita semak dahulu sama ada ini betul-betul rayuan kah atau belum memohon lagi melalui JTKSM dan juga OSC, sudah terus pergi ke Yang Berhormat Menteri. Kita akan semak dahulu. Sekiranya yang pertama itu kita dapati tidak ada surat penolakan daripada JTKSM ataupun daripada OSC, memang kita tidak akan proses.

Sekiranya ada, Yang Berhormat Menteri akan meminta Bahagian Pekerja Asing untuk meneliti permohonan tersebut dan perkara itu akan dibawa ke dalam sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSU KDN ataupun Timbalan Ketua Setiausaha Pekerja Asing di KDN. Juga ahlinya adalah daripada Imigresen dan sebagainya untuk menimbang

permohonan tersebut sekiranya ada merit. Sekiranya tidak ada merit, maknanya permohonan itu tetap tidak akan diperakukan.

Tuan Pengerusi: So, keputusan rayuan terakhir adalah dibuat oleh jawatankuasa?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Jawatankuasa akan memperakukan kepada Menteri, kita bukan- sebab kuasa itu kuasa Menteri. Untuk rayuan ini kuasa Menteri...

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: ...tetapi Menteri tidak secara langsung membuat keputusan tersebut. Maknanya, rayuan tersebut akan disemak oleh sebuah jawatankuasa...

Tuan Pengerusi: Apa nama jawatankuasa itu Datuk?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Jawatankuasa Rayuan Permohonan Pekerja Asing.

Tuan Pengerusi: Ini jawatankuasa yang barukah?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Baru, baru. Ini baru kita buat.

Tuan Pengerusi: Di bawah SOP ini lah?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, di bawah SOP 24 Mac yang kita telah wujudkan sebuah jawatankuasa baru untuk meneliti perkara ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey.

•1450

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih. *Okay, next.* Okey perkara atau pun syor ketiga daripada PAC yang lalu adalah lanjutan daripada syor PAC 2. Syor dua PAC. PAC berpendapat tidak seharusnya wujud mana-mana pengantara dalam permohonan kuota pekerja asing kepada Menteri Dalam Negeri. PAC mengesyorkan satu siasatan SPRM terhadap peranan pengantara yang terlibat.

Jadi dalam soal ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, SOP *One Stop Centre* (OSC) Kementerian Dalam Negeri (KDN) menetapkan semua urusan di kaunter hendaklah diuruskan secara terus atau pun secara langsung dengan majikan, atau pun wakil majikan yang dilantik atau pun oleh agensi pekerjaan swasta berlesen yang dilesenkan di bawah Kementerian Sumber Manusia, ya. OSC KDN akan memproses permohonan kelulusan khas yang telah diminitkan oleh MDN, mengikut SOP yang telah diwujudkan.

Bagaimanapun untuk makluman, KDN sentiasa terbuka dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak SPRM untuk menilai dan menyiasat peranan pengantara atau pihak ketiga dalam proses permohonan pekerja asing. Satu sesi perbincangan dan pemeriksaan ke atas amalan tadbir urus sistem dan tatacara kerja berkaitan kawalan pekerja asing bersama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM telah diadakan pada 7 April 2021 yang lalu. Jadi dan untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi serta Ahli-ahli

PAC sekalian, kesemua kes-kes yang membabitkan SPRM jika ada dan melibatkan pegawai-pegawai KDN sebelum tahun 2019 telah diambil tindakan dan telah mendapat, apa ini, jawapan ataupun maklum balas daripada SPRM iaitu *no further action (NFA)*.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga telah memaklumkan satu fail penyiasatan pada tahun 2019 telah dibuka dan hasil siasatan tidak membuktikan kes di peringkat *prima facie* dan itulah diberikan keputusan NFA. Berkaitan dengan isu pengantara yang dikatakan sebelum ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih penjelasan daripada Datuk KSU. Sememangnya apabila saya semak kembali laporan PAC yang telah pun disediakan dan dibentangkan ini, isu ini merupakan salah satu isu yang amat pihak PAC mengambil berat, yang mana pihak Jabatan Audit Negara pun, pada ketika itu memberitahu PAC beberapa nama, ada yang merupakan dalam kalangan Ahli Parlimen ataupun bekas Ahli Parlimen yang telah pun menulis *recommendation* ataupun membuat permintaan terus kepada Menteri Dalam Negeri untuk mendapatkan kuota pekerja-pekerja asing. Itulah yang dinamakan sebagai pengantara yang betul-betul. Bukan pengantara di peringkat pegawai-pegawai, tetapi pengantara yang memainkan, yang mempunyai peranan ataupun *stature* sebagai ahli politik ataupun Ahli-ahli Parlimen dan juga ADUN. Ada ramai nama telah pun di-*mention*-kan dalam Hansard oleh pihak Jabatan Audit Negara.

So, di sini mungkin saya nak jemput pihak SPRM kerana terdapat satu syor daripada PAC untuk supaya SPRM melaksanakan siasatan terhadap peranan pengantara yang terlibat. Saya nak jelaskan di sini dan tegaskan di sini pengantara yang terlibat bukan katanya mereka merupakan broker yang pergi, apa kata, kaunter untuk *submit* permohonan, tidak. Akan tetapi mereka yang bertanggungjawab menulis surat kepada Menteri Dalam Negeri untuk mendapatkan kuota untuk sesebuah syarikat, secara *direct*. Ini juga ada berkaitan dengan syor kedua. Akan tetapi syor kedua, sekarang kita sudah nampak satu pembaikan – penambahbaikan dengan memastikan tidak ada permohonan secara langsung kepada Menteri Dalam Negeri. So, itu kami menghargai.

Akan tetapi bagi *point* yang ketiga ini, saya ingat pihak SPRM, saya pohon ada apa-apa ulasan berkenaan dengan isu ini?

Cik Nor Faemah binti Ismail [Pegawai Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Berdasarkan semakan rekod, memang kami dapati siasatan yang dibuat itu tidak menunjukkan elemen kesalahan lah, di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. *That's why* kita...

Tuan Pengerusi: Siapakah yang pernah disiasat?

Cik Nor Faemah binti Ismail: Siapa yang pernah disiasat. Saya tidak dapat lagi yang siapa yang disiasat itu, saya rasa mungkin nanti kami – *so far*, saya tidak boleh dedahkan

siapa yang disiasat sebenarnya. Sebab ia dalam rahsia. Cuma yang boleh kami cakapkan hasil siasatan kami melibatkan kes-kes ini...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi PAC perlu tahu siapa yang telah disiasat dan sebagainya. Jika tidak, bagaimana PAC boleh memastikan syor PAC kita ini telah pun diambil perhatian. Sama ada SPRM ada mengambil berat berkenaan dengan syor PAC ini tidak. Ini bukannya satu-satunya syor PAC kepada SPRM dalam laporan kita. Dalam satu atau dua laporan juga, kami ada mengesyorkan supaya siasatan dilaksanakan. *PAC do not have the power to investigate or to execute, to enforce* tetapi kita kena bergantung kepada pihak SPRM. Saya berharap bahawa pihak SPRM janganlah memberikan jawapan yang - apa kata, *standard* kepada pihak PAC lah.

Cik Nor Faemah binti Ismail: Saya minta maaf, tetapi itu sahajalah yang saya boleh cakap. Kami hanya boleh maklumkan sama ada siasatan diadakan ataupun keputusan itu *no further action* atau apa-apalah.

Tuan Pengerusi: Berapa kes yang telah terlibat? Berapa kertas siasatan telah dibuka?

Cik Nor Faemah binti Ismail: Kalau ikut di sini, satu sahaja.

Tuan Pengerusi: Satu sahaja.

Cik Nor Faemah binti Ismail: Ya, sebab kita terus fokus siasat fasal pengantara inilah.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Mana? Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Kalau SPRM sudi membaca laporan PAC, memang nama – beberapa nama disebut. Kan begitu ya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi ya. Beberapa nama yang kita biasa dengarlah, ya. Jadi kalau satu sahaja itu, apakah yang lain itu – ataupun diambil sampel sahaja kah daripada ramai-ramai itu untuk disiasat atau macam mana kaedah yang dibuat oleh SPRM. Sebab namanya, *definitely it's not one. More than one, ya.*

Cik Nor Faemah binti Ismail: Biasanya, kita ambil isu itu dulu. Daripada isu itu, baru kita akan *try* – walaupun ada nama-nama itu, sebab isunya benda yang sama. Jadi benda itu yang kita akan cuba tengok kan dulu dan kita akan tengok siapa yang akan terlibat dalam – dekat situ.

Tuan Pengerusi: Saya cuba cari *hansard* yang mana nama-nama telah pun dinyatakan oleh pihak Jabatan Audit Negara. *You see*, dalam kes ini sememangnya apa yang kami nampak memang Jabatan Audit Negara telah pun cuba sedaya-upaya dan juga bekerja keras untuk mendapatkan maklumat terhadap – khususnya juga termasuk mereka nama-nama pengantara yang telah pun terlibat. Akan tetapi sekiranya PAC telah pun membuat satu laporan dan dibentangkan di Parlimen, tetapi kita tidak nampak ada apa-apa tindakan susulan

daripada SPRM itu sesuatu yang pihak kami PAC hendak bagi tahulah kepada SPRM untuk lebih – untuk mengambil berat berkenaan dengan syor kita.

Dari sini, sekiranya saya nampak fail siasatan tahun 2019. Kita bentang laporan ini tahun 2020. So, sama ada SPRM pernah mengambil tindakan terhadap laporan yang kita bentang atau tidak. So, mungkin wakil SPRM boleh bawa isu ini kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM dan bangkitkan pendapat PAC kepada Datuk Seri Azam bin Baki.

Cik Nor Faemah binti Ismail: Saya akan bawakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya tengah cuba – sekretariat boleh tak nampak di *Hansard* muka surat berapa? 15. Laporan.

[Tuan Pengerusi sedang memeriksa Hansard bersama Ketua Sekretariat PAC]

■1500

Wakil SPRM saya hendak—apa kata, bagi pihak PAC, saya membawa perhatian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kepada muka surat 11. Laporan prosiding itu kita panggil *hansard-lah* yang mana Dr Yati binti Md Lasa, wakil dari Jabatan Audit Negara telah pun menyatakan dengan jelas beberapa nama di situ.

Bagi saya, *I do not think* SPRM ada mengambil apa-apa tindakan terhadap syor kita. Apabila kita *mention* SPRM itulah kita hendak SPRM memberikan satu maklum balas kepada kami seperti yang dimaklumkan. Seperti yang telah pun dibentangkan oleh Datuk tadi.

Syor dua bagi saya sendiri, saya amat – saya memang puas hati. Ada penambahbaikan tapi sekarang saya nampak di sini berkenaan siasatan berkenaan peranan perantara. *I think*, itu adalah tugas SPRM dan saya minta SPRM memberikan satu jawapan. Mungkin bukan hari ini jika tidak sedia tapi, untuk maklum balas – sesi maklum balas laporan-laporan yang lain, SPRM kena mengambil perhatianlah. Okey?

So, mungkin dalam isu ini, dari segi – dari pihak Ketua Setiausaha (KSU) untuk syor tiga ini kita boleh kira selesai. Akan tetapi, bagi SPRM kena bagi jawapanlah. Okey? Terima kasih. Datuk, sila teruskan.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seterusnya, kita ke syor yang keempat, Yang Berhormat iaitu tiada apa-apa pengecualian boleh diberikan untuk pengambilan pekerja asing dalam sektor beku.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan ahli-ahli PAC kerajaan melalui mesyuarat jawatankuasa bersama Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri Sumber Manusia mengenai Pengurusan Pekerja Asing Bil 1/2018, pada 24 Oktober 2018 telah memutuskan supaya kajian dilaksanakan oleh agensi-agensi kawal selia mengenai keperluan tenaga kerja asing bagi sektor yang dibekukan sejak 2009 iaitu sektor tukang gunting rambut,

tukang emas, perniagaan tekstil, dobi, borong dan runcit, barangan logam, barangan lusuh dan terpakai, dan rumah kebajikan iaitu untuk khidmat penjagaan.

Pada 8 Ogos 2019, kerajaan telah bersetuju menutup penggajian pekerja asing secara berperingkat bagi sektor tukang gunting rambut, tukang emas, tekstil, dobi, borong dan juga runcit. Permohonan penggantian akan diberhentikan sepenuhnya pada 1 Januari 2021, dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing sedia ada dibenarkan sehingga 2023 sebagai *soft-landing* untuk ia menamatkan pas-pas yang telah diberikan kepada mereka sebelum ini. Ini telah dilaksanakan, dan melalui kertas pertimbangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 3 Disember 2020, kerajaan telah bersetuju menutup penggajian pekerja asing bagi sektor barangan logam, barangan lusuh dan terpakai serta-merta. Manakala, PLKS pekerja asing sedia ada akan hanya dibenarkan sehingga tahun 2024.

Manakala Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) tetap dengan pendirian terdahulu iaitu pengajian pekerja asing dalam subsektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti kekal berstatus beku. Pendirian ini disokong melalui kajian yang telah dijalankan. Ada dua kajian. Satu, kajian mengenai sistem sokongan penjagaan orang kurang upaya (OKU) dan kedua, kajian diagnostik bagi membentuk model penjagaan warga emas jangka masa panjang yang bersepadu dan mampan.

Jadi, hasil daripada kedua-dua kajian ini, KPWK Berpandangan bahawa tidak ada keperluan untuk kita menggaji pekerja asing bagi sektor ini kerana kementerian ini ingin memberi peluang kepada rakyat tempatan dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam penggajian penjagaan kepada warga emas dan juga OKU, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi Terima kasih, Datuk KSU. Ada penjelasan yang diperlukan daripada ahli-ahli? Bagi saya syor empat ini Datuk KSU, saya memang boleh nampak pihak KDN ada satu *list*, yang mana sesetengah sektor adalah diklasifikasikan sebagai sektor beku. Akan tetapi, masalah yang kita nampak dalam...semasa prosiding dilaksanakan adalah, walaupun sektor-sektor ini telah pun dibekukan dalam penggajian pekerja asing, tetapi masih ada kelulusan diberikan.

Itu masalah yang kita hadapi apabila pihak PAC mengadakan prosiding. *That is a matter of fact*. Itu merupakan satu fakta yang mana dalam sektor beku pun ada berlakunya penggajian pekerja asing. So, saya hendak dapatkan satu komitmen daripada kementerian kepada PAC ini, untuk sektor-sektor beku ini. Memang daripada masa sekarang, tidak ada apa-apa pengecualian yang akan diberikan. So, ini saya ingin mendapatkan komitmen daripada pihak kementerian.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Memang keputusan ini telah diambil dan dipersetujui oleh kementerian dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan, bahawa tidak ada lagi pengambilan pekerja asing bagi sektor-sektor yang dikatakan sektor beku. Malah, kita telah menukar, sektor beku ini kita

tidak pakai lagi. Kita panggil sektor yang tidak dibenarkan. Satu, sektor yang dibenarkan dan satu lagi sektor yang tidak dibenarkan. “Beku-beku” kita tidak mahu sudah, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: So, memang tidak ada pengecualian?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Tidak ada. Mereka ini, sebagai contoh tadi yang sudah dinyatakan di situ yang...untuk sektor barangan logam, lusuh dan terpakai ini – ia hanya akan berakhir tahun 2024 kerana PLKS mereka masih lagi *valid* dan setelah habis 2024, memang tidak akan ada lagi. Manakala yang baru kita tidak akan *issue* lagi.

Kedua, adalah untuk tukang gunting rambut, tukang emas, dan sebagainya pun kita telah mulai *stop* ataupun berhentikan bermula 1 Januari 2021, dan yang terakhir mereka akan berakhir pada 2023 kerana PLKS-nya masih lagi *valid* pada masa itu. Mungkin Yang Berhormat Tuan Pengerusi ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Ketua Pengarah Imigresen kerana pengeluaran PLKS kepada pihak ini adalah menerusi agensi di bawah KDN iaitu Imigresen. Mungkin Encik Mohd Khairul Nizam bin Jamalus boleh tambah untuk...

Tuan Pengerusi: Ya, sila Ketua Pengarah (KP).

Dato’ Indera Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Pengarah Imigresen]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan ahli-ahli PAC. Pengambilan baru pekerja asing khususnya warga Bangladesh telah dibekukan sejak 18 Oktober 2018. Selain daripada itu, dalam tempoh pandemik ini, tidak ada pekerja asing baru yang diluluskan. Bagi sektor-sektor beku ini, mereka adalah pemegang-pemegang PLKS sedia ada dan akan tamat, dan tidak akan diperbaharui apabila tiba masanya iaitu pada tahun 2023 ataupun 2024 bagi sektor barang-barang logam, lusuh dan terpakai. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Datuk KP.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi, saya tidak berapa *aware*, selalunya PLKS ini diberikan untuk tempoh berapa lama, ya? Yang sebelum inilah.

Dato’ Indera Khairul Dzaimie bin Daud: PLKS kita berikan tempoh – seorang pekerja asing boleh berada di Malaysia selama 13 tahun. Iaitu *10 plus three* dan PLKS itu perlu diperbaharui setiap tahun dan levi yang dibayar adalah mengikut sektor untuk setiap tahun. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, maksudnya kalau dia datang tahun ini, kita tidak sambunglah sampai tarikh itu, ya?

Dato’ Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Tidak, tidak. Kita tidak akan sambung.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, kenapakah 2023 baru ia tamat? Kerana ia hendak *renew every year*, tahun ini dia datang boleh tidak kita tamatkan pada tahun ini?

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Ada perlu kajian, Yang Berhormat, kerana ada yang telah pun membayar – sebelum ini membayar levi. Levi sudah dibayar tetapi pekerja belum boleh masuk. Khususnya dalam tempoh pandemik ini.

■1510

Oleh sebab levi yang dibayar ini telah pun menjadi hasil kepada kerajaan, jadi mereka yang telah ada apa yang kita panggil visa dengan rujukan (VDR) ini, kita perlu bagi majikan bawa mereka masuk kerana telah membayar levi. Jadi, saya tidak ada *figure* tentang perkara ini tetapi kes-kes seperti ini sememangnya ada dalam pengurusan pekerja asing sekarang ini.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Cuma kalau boleh saya tambah Yang Berhormat, untuk sektor-sektor yang dinyatakan dalam syor Audit tadi iaitu sektor beku ini memang kita telah tidak membuat lagi atau memberi lagi kelulusan. Cuma yang ada ini kerana tempoh keberadaan yang dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan tadi, maknanya *10 plus 3*. Akan tetapi setelah habis ini dan tidak akan diperbaharui dan sektor ini pun menjadi satu sektor yang tidak dibenarkan lagi kerana banyak industri ini sebenarnya boleh digerakkan oleh rakyat tempatan kita, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Seterusnya, kita ke syor kelima iaitu PDRM hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap dakwaan kecurian dan juga penyalahgunaan ID pengguna dalam sistem MyIMMs. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, pada 2 Disember 2019 hingga 12 Disember 2019 dan 12 Februari 2020, seramai lapan orang suspek telah ditangkap, tangkapan bekerja sebagai ejen pekerja asing secara langsung ataupun tidak langsung. Untuk makluman, daripada lapan orang ini, dua orang lelaki Melayu, empat orang lelaki Cina, seorang perempuan Cina dan seorang lelaki warganegara Bangladesh yang kita tangkap dalam operasi pada tarikh tersebut.

Pada 17 Mac 2020, 8 Julai 2020 dan 14 September 2020, kes ini telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara Putrajaya dengan cadangan menuduh satu tangkapan bersama dua ahli keluarga tangkapan ini di bawah seksyen 420, Kanun Keseksaan iaitu tipu dan seksyen 424, Kanun Keseksaan iaitu mengalih atau menyembunyikan harta dengan curang ataupun penipuan. Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan siasatan diperkemas dari sudut pemalsuan dokumen. Pada 12 Mac 2020 satu laporan polis telah dibuat oleh Pegawai Penyiasat bagi siasatan di bawah seksyen 4(1), Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Dari Aktiviti Haram 2021 (Akta 613) (AMLATFPUAA).

Siasatan lanjut bagi pengesanan beberapa buah syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan dilaksanakan. Kertas siasatan akan diedarkan ke Pejabat

Peguam Negara pada minggu ketiga bulan September ini. Maknanya, pihak PDRM memang mengambil satu inisiatif yang berterusan supaya mereka yang terlibat dalam kecurian dan juga penyalahgunaan ID dalam sistem MyIMMS ini dibawa ke pengadilan. Okey, *next*. Manakala...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Datuk.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, sila. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *My impression Datuk, it is an inside work* di MyIMMS itu.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Penggunaan, penyalahgunaannya. Akan tetapi kalau lapan orang yang ditangkap, ini bunyinya macam orang luar ya? Jadi, kerana *passwords* dan sebagainya ini adalah urusan dalaman jabatan, maka ada orang yang menggunakannya. Jadi, tidak adalah orang dalaman yang terlibat?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ada, ada Yang Berhormat. Nanti selepas ini saya akan maklumkan, saya boleh tunjukkan juga laporan-laporan akhbar yang telah— di mana kita memang sebelum ini— dalaman pun ada Yang Berhormat, kita buat ops bersama dengan SPRM, kita namakan Ops Hack. Memang ramai juga anggota ataupun pegawai-pegawai dalaman yang terlibat dan telah dikenakan tindakan. Di mana ada sebahagiannya pun ada telah dibuang kerja, kalau kita dapat merujuk kepada laporan-laporan akhbar baru-baru ini, Yang Berhormat.

Tidak apa, saya teruskan dulu nanti saya akan— dan bahagian perisikan dan operasi khas JIM dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah melaksanakan operasi bersepadu dikenali sebagai Ops Hack pada 6 April, Yang Berhormat. Sebanyak 22 buah lokasi melibatkan kediaman dan syarikat digeledah dan 12 tangkapan telah dibuat untuk membantu siasatan. Sebanyak 147 akaun berjumlah RM9.93 juta telah dibekukan. Ingin dimaklumkan juga bahawa JIM sentiasa mengambil berat isu-isu berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai dan operasi akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Manakala kekurangan ataupun kelemahan sistem juga kita terus mengadakan tambah baik, di mana pihak vendor telah diminta untuk melihat kelompangan-kelompangan yang telah diguna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memanipulasi IDs tersebut. Mungkin tambahan, saya minta Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud boleh nyatakan. Akan tetapi kalau urus setia boleh tunjukkan gambar-gambar surat khabar yang telah kita bawa sekali tadi. Minta urus setia...

Tuan Pengerusi: Ya, silakan urus setia.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ada gambar, ada? Ada urus setia? Oh, tidak ada. Akan tetapi dalam ini, kalau ada Hansard ini, kita ada. Oleh sebab Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, dalam laporan akhbar juga ada tajuknya "*Orang dalam*

bantu sindiket didalangi bekas kakitangan Imigresen". Itu ada, ya dan ada di dalam nota mungkin boleh dirujuk. "*Bekas kakitangan Imigresen disyaki jadi dalang utama*". Akan tetapi mungkin Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud boleh bagi sedikit penerangan berkaitan dengan Ops Hack yang kita adakan bersama dengan SPRM, Tuan Pengerusi. Silakan Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud. Ya, ini ada, ada.

Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud: Terima kasih KSU. Tuan Pengerusi, selepas isu ID *hacking* ini dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2019 dan ketika PAC yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini pada ketika itu, Imigresen sebenarnya telah pun melancarkan tindakan kerja-kerja perisikan melalui satu *task force* yang di tubuh bersama SPRM. Tujuh bulan kerja-kerja perisikan ini dilaksanakan dan hasilnya adalah pada 6 April 2021, sindiket ini telah berjaya ditumpaskan, yang didalangi oleh seorang warga tempatan bergelar 'Datuk'. Sejumlah besar kereta mewah dan akaun-akaun telah pun dibekukan. Pendakwaan, saya dimaklumkan oleh KP Pesuruhjaya SPRM semalam, akan dilakukan dalam sedikit masa lagi. Oleh sebab kes ini disiasat di bawah *Anti Money Laundering Act* (AMLA), jadi pembuktian *money trail* perlu dibuat dan mengambil sedikit masa. Seperti mana dimaklumkan tadi 9.93 juta telah pun dibekukan. Jadi, tindakan untuk perkara ini telah pun diambil. Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lumut, ada? Ada soalan? Tidak ada ya. Okey, terima kasih.

Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan dengan syor keenam iaitu pemeriksaan kesihatan FOMEMA terhadap bakal pekerja asing perlu disegerakan oleh majikan iaitu dalam tempoh 30 hari dari hari ketibaan. Penguatkuasaan yang tegas oleh JIM hendaklah dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi pemeriksaan ini. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengadakan perbincangan pada 9 September yang lalu dengan pihak FOMEMA mengenai integrasi antara sistem MyIMMS dan juga sistem FOMEMA. FOMEMA telah bersetuju untuk menambah baik sistem *push mail* yang akan memberikan notifikasi dan juga peringatan kepada majikan untuk membawa pekerja asing yang baru masuk ke Malaysia bagi membuat pemeriksaan kesihatan setelah tempoh pas khas yang telah dikeluarkan oleh pintu masuk tamat.

Makna, sebelum ini memang kita mengharapkan pihak majikan supaya mengambil tanggungjawab untuk membawa pekerja mereka untuk melakukan pemeriksaan kesihatan. Akan tetapi kita tambah baik, kita telah mengadakan perbincangan FOMEMA dan FOMEMA bersetuju untuk kita *integrate* dengan sistem mereka dan akan ada *pushed email, notification*

akan diberikan kepada pihak majikan berkaitan dengan urusan untuk membawa pekerja bagi menjalani pemeriksaan kesihatan.

■1520

Integrasi antara sistem FOMEMA dan MyIMMs iaitu modul kawalan di pintu masuk akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi oleh tim teknikal kedua-dua pihak supaya perkara ini dapat kita atasi daripada segi isu di mana berlakunya kelewatan pekerja-pekerja asing ini melakukan pemeriksaan kesihatan. Proses lanjutan PLKS, pekerja sedia ada akan turut terjejas sekiranya majikan yang gagal membuat pemeriksaan kesihatan terhadap bakal pekerja asing mereka dalam tempoh 30 hari dari hari ketibaan disenaraihitamkan dalam MyIMMs.

Saya rasa ini adalah satu langkah *deterrent* yang sangat baik. Maknanya kalau mereka— pekerja asing mereka yang baru masuk, mereka gagal untuk membuat pemeriksaan dalam 30 hari, kita *blacklist* syarikat tersebut. Pekerja asing selama ini yang adapun dia akan terbabit sama. Ini menjadi satu *deterrent* saya percaya kepada syarikat untuk mematuhi peraturan supaya mengadakan pemeriksaan dalam tempoh 30 hari setelah ketibaan. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Next*.

Ketujuh, syor yang ketujuh. Kerja-kerja menaik taraf depot yang telah diluluskan dalam RMKe-11 RP4 haruslah diteruskan dalam RMKe-12. Dana yang mencukupi juga harus diberikan bagi memenuhi keperluan kebajikan, kos perubatan dan usaha menangani penularan penyakit berjangkit seperti mana yang dimohon oleh JIM. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, terdapat tujuh projek JIM berkaitan kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan semula depot yang merangkumi enam projek sambungan daripada *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-11 dan satu projek baharu RP1 RMKe-12 dengan kos keseluruhan sebanyak RM274.3 juta. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada KDN pada tahun 2021 untuk kesemua projek tersebut adalah sebanyak RM37.3 juta dan selebihnya akan ditampung dalam RP tahun-tahun berikutnya.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi juga, kerajaan memberi perhatian yang serius— untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli PAC, di bawah PRIHATIN sejumlah RM1.75 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih depot JIM. Antara penambahbaikan skop depot yang kita laksanakan bagi pembinaan depot baru adalah seperti pembinaan sel khas bagi tahanan yang mempunyai anak. Ini kerana kadang-kadang PATI yang kita tangkap ini dia bersama dengan anaknya. Jadi kita telah mulai membina sel khas bagi tahanan yang mempunyai anak. Kita asingkan daripada tahanan-tahanan yang lain. Begitu juga kita laksanakan pembinaan tempat permainan kanak-kanak dan penambahan bilangan tandas dalam setiap sel daripada dua unit kepada empat unit. Perkara ini kita akan laksanakan berterusan supaya akhirnya kesemua depot tahanan imigresen akan mendapat

fasiliti yang sama sebagaimana yang kita telah mula lakukan untuk penambahbaikannya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Datuk, dalam isu ini ada *timeline* atau tidak? Ataupun satu jangka masa sampai bila kita hendak buat— hendak *complete* ataupun selesaikan berapa dan sebagainya?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Memang kita— untuk makluman Tuan Pengerusi, kita sebenarnya menghadapi sedikit kekangan kewangan. Dalam masa yang sama, mungkin Tuan Pengerusi juga maklum bahawa dengan isu COVID-19 ini, perhatian daripada segi kewangan terpaksa pihak KDN memberi sedikit penumpuan yang agak lebih kepada penjara, di mana kita juga membuat perolehan untuk bekas-bekas kem PLKN untuk kita jadikan penjara satelit. Akan tetapi daripada segi perancangan, memang kita akan buat secara berfasa dan kita menjangkakan dalam RMKe-12 ini kita boleh melaksanakan penambahbaikan ini secara berperingkat dengan sokongan yang padu daripada MOF lah daripada segi peruntukan Tuan Pengerusi.

Kalau cadangan balas nanti daripada Tuan Pengerusi PAC boleh mencadangkan supaya ditambah bajet, saya sangat bersyukur. *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Datuk, dari sudut kapasiti sekarang penuh atau tidak?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Penuh.

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Pengarah Imigresen]: Tuan Pengerusi, sekarang ini di dalam depot *as of today*, ada 18,321 orang tahanan daripada pelbagai negara dan majoriti ialah dari Filipina, Indonesia dan Myanmar. Jumlah kapasiti kesemua depot di Malaysia iaitu 18 kesemuanya ialah 19,000. Masih lagi *under capacity* dan imigresen juga melalui Kementerian Dalam Negeri telah memperoleh tiga buah depot tambahan untuk COVID-19 ini, yang mana depot-depot tahanan ini asalnya adalah kem-kem PLKN dengan kapasiti 1,200 hingga 1,500 untuk setiap depot. Terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli PAC, KDN dan Imigresen kita memang sentiasa melakukan tindakan untuk memastikan depot-depot tahanan kita ini tidak terlalu sesak dan tidak melebihi kapasiti yang dibenarkan. Tambahan lagi dalam isu pandemik COVID-19 ini banyak perkara yang perlu kita ambil perhatian. Perbincangan bersama kedutaan-kedutaan sentiasa kita laksanakan untuk pihak kedutaan memberi sokongan bagi membawa balik warga-warga mereka yang berada di depot tahanan imigresen. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Naib, selepas itu Yang Berhormat Sik.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, sila.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya tengok jumlah walaupun kata masih lagi tidak *full capacity*, tetapi 18,000 itu ramai, 'kan? Tadi saya dengar juga, apa ini...bahagian mengatakan tentang tindakan bersama-sama dengan kedutaan untuk membawa mereka balik. Kenapa begini banyak, masih lagi masa ini? Mungkin...tidak boleh hantar balikkah?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya inilah antara isu yang sebenarnya kita hadapi Yang Berhormat. Kerjasama daripada pihak kedutaan adalah sangat kita perlukan. Sebagai contoh, Kedutaan Indonesia dia agak mudah untuk kita berurusan dan mereka memahami. Akan tetapi kalau melibatkan kedutaan Bangladesh, itu agak sukar untuk mereka membantu kita. Ini yang sebenarnya yang menjadi isu kepada kita. Kedutaan-kedutaan seperti Myanmar, banyak juga memberi bantuan dan *insya-Allah* kita akan melipatgandakan lagi usaha supaya isu-isu berkaitan dengan tahanan-tahanan di depot imigresen ini dapat kita segerakan.

Mungkin untuk makluman Naib Pengerusi juga, rusuhan yang berlaku kelmarin di Sabah melibatkan depot tahanan kita adalah kerana ketidakpuasan hati warga-warga asing yang ditahan terlalu lama di mana kedutaan mereka gagal untuk memainkan peranan. Pada saya, gagal lah kerana banyak usaha kita bincang dengan mereka, tetapi isu penerimaan negara mereka kepada warga mereka sendiri, itu yang menjadi isu utama sekarang. Akan tetapi *insya-Allah*, kita akan melipatgandakan lagi usaha pihak imigresen dan KDN akan berbincang dengan lebih kerap lagi dengan pihak kedutaan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit, saya hendak minta respons kepada Datuk Indera. Makna kepadatan depot kita ini memang sangat kritikal lah? Saya sendiri melawat Depot Imigresen Belantik di Sik, di kawasan saya.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, Kedah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Baru-baru ini, maknanya mungkin sudah kali ketiga atau keempat berlaku kluster COVID-19 dalam depot ini. Apabila berlaku sahaja seorang, memang tidak boleh *control*-lah. Jadi, apa yang jadi kekangan ialah terlalu padatnya kita punya— penghunilah maksudnya sama ada pelarian ataupun PATI ini. Ada di antara penghuni depot ini yang sudah lebih hampir dua tahun, yang mereka terpaksa berada dalam itu. Khususnya daripada— pelarian dari Myanmar. Jadi soalan saya ialah, saya sendiri pun hantar surat kepada Datuk Indera bulan Jun hari itu tetapi saya belum dapat responslah ya.

▪ 1530

Akses dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) nampak masih belum selesai. Saya tidak tahulah, saya punya *update* dengan UNHCR sendiri. Sebab, saya pergi buat lawatan ke – di pejabat mereka di Sri Petaling. Jadi, ada mungkin, apa ini, perkembangan terbaru perbincangan Jabatan Imigresen Malaysia dengan UNHCR untuk

mereka akses segera dan menyelesaikan tahanan-tahanan yang sudah sekian lama dalam depot ini. Proses mereka untuk mereka sama ada nak dihantar balik ataupun akan dikeluarkan kad oleh UNHCR dan sebagainya.

Begitu juga termasuk yang terbarunya adalah – saya baru balik daripada berjumpa dengan *ambassador* Palestin. Ada enam orang pelarian Palestin yang masih lagi dalam depot yang mereka perlukan maklumat tambahan; apa status mereka.

Yang ketiganya ialah daripada segi, apa ini, *preparation – emergency* bila berlaku Covid-19 tadi ini ya, dalam depot. Jadi – contoh saya kata di Sik itu, bila berlaku itu mereka, staf-stafnya mereka tidak ada kelengkapan. Contohnya *personal protective equipment* (PPE), jadi mereka – staf itu terpaksa kuarantin dalam depot kerana tidak boleh balik ke rumah dan sebagainya. Itu mungkin perlu dilihat khusus bagaimana, apa nama, *plan* terdekat jika berlaku *cluster* dalam depot ini. Terima kasih.

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Pengarah Imigresen, Jabatan Imigresen Malaysia]: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Izinkan saya menjelaskan. Pertama, mengenai isu akses UNHCR ini akan dijelaskan oleh Datuk KSU dalam isu kita yang kesembilan nanti. Ada SOP yang telah pun disediakan, yang mana UNHCR perlu mematuhi SOP ini. Mengenai isu Myanmar – etnik Rohingya di dalam depot, sekarang ini terdapat lebih kurang 2,300 yang berada di dalam depot. Saya ingin jelaskan, terdapat dalam kalangan Rohingya ini yang telah pun memiliki kad UNHCR, tetapi dikeluarkan di Cox's Bazaar, Bangladesh. Jadi, sepatutnya mereka berada di sana, bukan berada di negara kita. Datuk KSU akan menjelaskan nanti di dalam isu yang kesembilan. Okey.

Mengenai SOP apabila berlakunya *cluster* di dalam depot, saya ingin jelaskan bahawa adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa kelengkapan PPE tidak cukup. Kelengkapan PPE sentiasa mencukupi, sama ada *face mask*, *glove*, dan apa namanya ini *full* PPE. SOP-nya adalah – kita mengikut sepenuhnya SOP Kementerian Kesihatan. Apabila diisytiharkan sebagai *cluster* – akan ditutup. Semua petugas di depot akan dikuarantin di dalam depot berkenaan dan makan minumannya akan disediakan oleh jabatan. Sememangnya kes-kes positif ini sentiasa berlaku – *recurrence*. Mereka tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda pun. Mungkin hari ini positif, negatif apabila...

[Telefon berbunyi]

Tuan Pengerusi: Itu *phone* siapa ya? Maaf Dato'. Itu *phone* siapa ya?

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: ... apabila hendak diusir, mereka ini positif semula dan terpaksa dikuarantin. SOP memang ada, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dan kita sentiasa bekerja rapat dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Contohnya di Belantik, bantuan yang sangat baik diterima daripada Pegawai Kesihatan Daerah. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Saya sebut PPE itu, dimohon sendiri oleh depot, kepada saya. Jadi, saya pun bantulah. Saya ingat tidak ada masalah yang itu. Cuma, mungkin

daripada segi SOP awal ya, kalau ada – daripada segi PPE dan juga yang lain itu, saya sendiri ada kolaborasi dengan depot itu, tidak ada masalahlah bagi saya.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Kita ucap terima kasih kepada bantuan Yang Berhormat Sik-lah, tetapi daripada segi persiapan memang kita juga memang menyalurkan, apa ini, peruntukan ke Jabatan Imigresen Malaysia, untuk persiapan kepada, apa ini, PPE dan juga peralatan. SOP berkaitan dengan sekiranya, ada antara mereka yang dijangkiti, biasanya pihak Jabatan Imigresen Malaysia akan memindahkan mereka yang dijangkiti itu ke satu tempat, kalau sekarang ini kita panggil Depot Tahanan Satelit, yang kita gunakan konsep sebagai mana penjara, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk makluman.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Daripada segi vaksinasi, bagaimana ya?

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Keputusan-keputusan dasar yang dibuat oleh Jawatankuasa Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV), mereka akan melaksanakan vaksin kepada tahanan-tahanan yang berada di dalam depot. Walau bagaimanapun, Jabatan Imigresen Malaysia tidak ada halangan tetapi kami memberikan pandangan bahawa sekiranya rakyat tempatan sendiri belum mendapat vaksin yang cukup, prioriti mestilah diberikan kepada rakyat tempatan. PATI di dalam depot ialah mereka yang akan diusir keluar balik ke negara masing-masing. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tetapi tidak ada vaksin tidak boleh naik *flight*, tidak boleh naik kapal. Macam mana nak balik?

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Boleh, boleh. Mereka perlu menjalani PCR-RTK, yang mana ini dilaksanakan sebelum mereka ini dihantar pulang.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Dato' Indera.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Kluang?

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Berkenaan maklum balas kementerian ini Datuk KSU, saya ingin bertanya bahawa pembinaan depot baharu itu, akan – di tempat mana? Di seluruh negara kah, ataupun di depot tertentu, yang *facility* yang tambahan itu.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, yang ini kita bukan membina depot baru kesemuanya, Yang Berhormat. Tetapi, ada sebahagian daripada depot kita *upgrade*-kan daripada...kalau dulu, semua tahanan termasuk anak-anaknya kita letakkan sekali dalam satu sel. Tetapi, kita akan ubah, di mana tahanan yang ada anak-anak kecil kita akan pisahkan. Ini kita akan buat secara, apa ini, berfasa dan kita percaya apabila perkara ini kita dapat laksanakan, isu yang sering dibangkitkan oleh NGO-NGO berkaitan dengan ibu dipisahkan daripada anak dan sebagainya dapat kita atasi. Perkara ini kita akan buat secara berfasa dan sekiranya peruntukan mencukupi, saya sangat berharap saya dapat buat di semua depot yang ada, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi: Jadi, minta tanya, sekarang akan hanya dilaksanakan di depot mana, iaitu berapa banyak jumlah, berapa banyak depot akan di-*upgrade*.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] 16.

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Semua depot – tujuh depot yang terlibat dengan kerja-kerja menaik taraf dan pembangunan semula ini, Yang Berhormat. Depot yang akan dibina semula sepenuhnya secara berfasa ialah Depot Imigresen Lenggeng. Sementara enam depot yang lain, akan dibuat penambahbaikan, sama ada penambahbaikan kepada bangunan ataupun sel sedia ada, ataupun membina kemudahan-kemudahan tambahan yang lain.

Sepertimana yang dimaklumkan oleh Datuk KSU Kementerian Dalam Negeri tadi, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan kerja-kerja ini terlewat, kerana pergerakan terhalang. Agensi yang menjalankan projek ini ialah Jabatan Kerja Raya (JKR). Kebanyakan projek, sekarang ini telah pun disediakan skop – skop projek, dan hanya menunggu untuk diiklankan. JKR akan mengiklankan kerja-kerja menaik taraf depot-depot imigresen ini. Terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat. Okey, seterusnya kita ke syor yang kelapan ya. Syor kelapan adalah, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia perlu meneruskan projek rintis *Alternatives to Detention* (ATD) bagi kanak-kanak tanpa penjaga dan kanak-kanak terpisah dalam tahanan imigresen yang telah dirancang, dilaksanakan pada bulan April 2020. KDN juga haruslah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meneruskan penempatan wanita dan kanak-kanak dari depot ke pusat seliaan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO).

Untuk makluman, Jemaah Menteri pada 21 April 2021 telah bersetuju akan pelaksanaan projek rintis ATD bagi kanak-kanak tanpa penjaga dan terpisah selama satu tahun susulan pembentangan memorandum daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Menteri Dalam Negeri. Jadi, perantaraan ke hadapan akan diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri bagi menentukan pelaksanaan ATD ini dapat dilaksanakan apabila – dan juga memenuhi apa yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

Maknanya, daripada segi mudahnya, pihak Jabatan Imigresen Malaysia akan mengenal pasti kanak-kanak yang ada dalam tahanan kita, yang memang tidak ada ibu bapa dan dengan kerjasama pihak, apa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk kita *pilot*-kan projek ini, iaitu ATD ini. *Alternatives to Detention*. Tidak lagi mereka ditahan di depot.

■1540

Ini juga mendapat banyak sorotan daripada pihak-pihak NGO dan juga aktivis-aktivis supaya kalau boleh kanak-kanak ini kita memberi satu *treatment* yang lebih baik, *instead of* diletakkan di dalam Depot Tahanan Imigresen. Oleh kerana bunyi saja nama depot Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tetapi pada saya, mungkin lebih kurang penjara jugalah sebab ia dikawal daripada bergerak dan sebagainya. Ini memang KDN akan sentiasa memberi kerjasama untuk mengenal pasti mereka yang perlu kita perlu bawa kepada JKM melalui KPWKM untuk diletak di bawah Program Projek Rintis ATD. Cuma, saya dimaklumkan projek rintis ini ditangguhkan buat sementara waktu ekoran daripada pelaksanaan PKP dan juga wabak COVID-19.

Saya difahamkan tarikh pengoperasian projek ATD ini akan dimaklumkan semula oleh KPWKM kepada KDN. Daripada segi KDN, kita bersedia dan kita sudah pun mengenal pasti. Saya sempat bertanya dengan Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud juga. Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud kata, kalau hendak jadikan *pilot project* itu 500,00 orang pun kita mungkin dapat memberi jumlah 500,000 ataupun sebagaimana yang diminta oleh pihak KPWKM, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yes, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta tanya Datuk KSU. Sekarang berapa jumlah kanak-kanak yang masih berada dalam depot kita?

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Yang Berhormat, buat masa sekarang terdapat 1,599 orang kanak-kanak di dalam depot di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 897 orang ialah kanak-kanak lelaki dan 682 orang ialah kanak-kanak perempuan. Majoriti daripada mereka ini adalah anak-anak etnik Rohingya yang masuk ke negara kita dengan menggunakan kapal-kapal ikan yang mendarat di Langkawi dahulu. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Ada yang mempunyai *parents*, ada yang tidak ada penjaga tetapi mempunyai sedara-mara dari luar, khususnya etnik Rohingya ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Maksudnya mereka datang ini, mereka tidak ada *parents*? Mereka datang dengan... Mereka lahir di sini ataupun mereka datang dengan bot?

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Mereka datang dengan bot. Tidak ada yang lahir di sini.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sabah ada tidak?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Di Sabah rasa Rohingya tidak ada, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bukan Rohingya tapi ialah kanak-kanak.

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Oh, kanak-kanak? Di Sabah ada, Yang Berhormat. Kanak-kanak dari Filipina ini ramai di depot Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu pun ada.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun: Mereka ini lahir di Sabah ke? Bukan baru datang, betul tidak? Mereka yang Filipina itu.

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Saya kurang jelas, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud: Mereka tidak lahir di Sabah. Mereka ini sememangnya anak kepada pendatang asing. Mungkin ada yang lahir di Sabah tetapi ibu bapa dan penjaganya adalah pendatang asing tanpa izin. Apabila mereka di tahan, mereka akan di tahan sekali.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Okey, seterusnya. Oh, silakan.

Puan Wong Shu Qi: Tentang isu ini, khasnya majoriti mereka sebenarnya adalah Rohingya. So, mungkin proses ataupun penyelesaian bagi golongan ini berbeza kerana kalau kita pun tidak boleh usik mereka balik ke tempat asal mereka, kan? Ini kerana negara itu tidak terima mereka. So, untuk kanak-kanak ini apa penyelesaian daripada segi negara kita? Khasnya kalau mereka ada saudara mara ataupun mereka langsung tidak ada ibu bapa atau penjaga. Bagi KDN atau Imigresen, apa penyelesaian itu? Atau pun kita hendak tahan mereka selama-lamanya?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: *[Ketawa]* Sebenarnya Yang Berhormat, kita pun tidak hendak tahan mereka lama-lama. Ini kerana kos kita tahan mereka itu sangat tinggi. Akan tetapi dalam pada masa yang sama kita tidak— kita bukan *signatory* kepada pelarian dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNCHR). Maknanya, banyak isu yang kita perlu selesaikan terlebih dahulu dengan penglibatan Wisma Putra dan juga pihak UNCHR. Saya rasa perbincangan yang lebih jelas berkaitan dengan hala tuju negara yang akan di koordinasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang akan melihat perkara ini. Mungkin yang kesembilan ini mungkin ada sedikit menyentuh berkaitan Rohingya, Yang Berhormat. So, saya pergi kepada syor kesembilan PAC yang lalu.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, menyebut tentang kos. Agak-agak berapa atas satu kepala? Kos biasa.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud, berapa Ringgit Malaysia (RM) satu hari?

Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud: Kos makan pendatang asing tanpa izin (PATI) di dalam depot ini ia berada di antara *range* RM10.50 *per head* ke RM14.70 *per head*. Jadi, secara purata saya boleh andaikan RM12 untuk satu.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: Satu kepala?

Dato' Indera Khairul Dzaimiee bin Daud: Seorang PATI. Ya, betul.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kita terus ke syor kesembilan. KDN harus membuat perundingan semula dengan UNCHR bagi penyelesaian pendaftaran tahanan berstatus pelarian di Depot Imigresen seluruh negara. KDN dengan kerjasama MKN perlu mewujudkan satu unit khusus bagi memproses sebarang SOP untuk menangani kemasukan dan kebajikan pelarian di negara kita. Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, pada 24 September 2020 KDN bersetuju supaya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan tapisan awal terhadap PATI di Depot Imigresen sebelum di senarai pendek untuk dipanjangkan kepada UNCHR bagi tujuan penilaian dan penentuan status pelarian.

Kebenaran akses kepada pihak UNHCR ke Depot Imigresen adalah tertakluk kepada keputusan awal tersebut. Susulan itu, cadangan penubuhan jawatankuasa bagi menilai tahanan di Depot Imigresen berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh JIM dan PDRM telah dimuktamadkan dan dipersetujui di peringkat tertinggi pengurusan KDN. Bagi pelaksanaan fasa pertama, seramai 30 orang tahanan telah dikenal pasti untuk dinilai di bawah jawatankuasa pra kelayakan tapisan keselamatan pendatang asing tanpa izin. Mereka ini pada awalnya ditempatkan di Kem Wawasan Negara di Langkawi sebelum ditempatkan semula di Depot Imigresen Sungai Bakap, Pulau Pinang dan Depot Imigresen Bidor, Perak. Berdasarkan maklumat terkini daripada PDRM, sesi temu duga dengan tahanan di Depot Imigresen Bidor telah dijalankan pada 26 sehingga 30 Julai 2021. Manakala, sesi temu duga di Depot Imigresen Sungai Bakap pula telah di adakan pada 16 sehingga 20 Ogos 2021.

Jadi, tujuan kita membuat tapisan awal ini adalah untuk kita mengenal pasti pihak Kerajaan Malaysia melalui PDRM dan JIM. Kita yang kenal pasti mereka dulu ini sebelum mereka di temu duga oleh UNHCR. Oleh kerana amalan sebelum ini, mereka ini mendarat saja di Langkawi, terus pergi ke pejabat UNCHR di Jalan Bellamy itu, mungkin ada sindiket yang bawa mereka. Jadi, tidak akanlah dari Cox's Bazaar, dari Myanmar dia boleh tahu dekat mana pejabat UNCHR di sini. Mereka terus dibuat tapisan dan temu duga oleh pihak UNCHR. Jadi, kita merasakan bahawa tidak wajar untuk pihak UNCHR terlebih dahulu membuat tapisan berbanding dengan kita sebagai *host country* ini. Sepatutnya, kita yang membuat tapisan terlebih dahulu.

Ini kerana kebanyakan yang datang ini mereka bukanlah benar-benar pelarian ataupun yang mencari suaka di sini. Akan tetapi mereka lebih kepada pelarian daripada segi ekonomi. Ini kerana saudara mereka sudah ada di sini. Mereka yang kita tahan, yang

mendarat Rohingya itu rupanya yang perempuan, rupanya calon suami sudah ada di sini. Rupanya calon isteri sudah ada di sini, Yang Berhormat. Jadi, kita hendak elakkan kedatangan mereka ke Malaysia ini sebenarnya atas sifat kerana faktor keselamatan oleh pihak Myanmar di sana ataupun kerana faktor ekonomi yang mendorong mereka. Jadi, KDN berpandangan sudah sampai masanya kita yang *lead* untuk kita kenal pasti dulu mereka.

■1550

Kalau kita dapati mereka ini benar-benar pelarian kerana isu keselamatan di negara asal dan kita akan serahkan kepada UNHCR. Kita juga hendak pastikan sekiranya mereka dah memegang kad UNHCR di Cox's Bazaar kenapa dia hendak lari pula ke Malaysia sepatutnya *remain* di sana kerana status UNHCR itu sama sahaja di mana-mana. Itu pasti ada sesuatu yang cuba dilindungi dan disembunyikan oleh mereka.

Jadi kita telah melaksanakan perkara ini kita telah membuat tapisan peringkat awal dan kita akan *share* bersama dengan UNHCR berkait dengan perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Sedikit Datuk KSU. Saya sangat bersetuju apa yang telah disusun dalam SOP ini.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Khususnya dalam tapisan awal ini ya.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Memang benar sepatutnya benda itu sudah lama kita lakukan proses ini. Saya mencadangkan juga kalau dalam perbincangan UNHCR ini pihak Kementerian Dalam Negeri sendiri mungkin perlu kita ada pegawainya di pejabat UNHCR itu sendiri. Maknanya dalam proses temu duga itu juga kita juga ada akses apa yang mereka tanya, apa yang mereka soal selidik pelarian-pelarian ini.

Memang betul ada sebahagian memang digunakan oleh ejen-ejen asing ini macam kes kita hari itu di Bukit Wang Burma di Wang Kelian itu kan itu semua *human trafficking* yang sangat ganas kita kata. Jadi saya nampak ketika saya bertemu dengan UNHCR itu saya kata sepatutnya pihak UNHCR perlu ada ruang untuk pihak kerajaan sendiri ada akses bagaimana proses yang biasa dilakukan dalam di kaunter yang mereka buat itulah.

Saya nampak ini lebih baik dan yang pentingnya proses kita hendak pastikan mereka betul-betul pelarian yang *genuine* ini disegerakan untuk mereka mendapatkan kad dan sebagainya. Mana yang masuk melalui atas nama politik ataupun kerana ekonomi ini kita membuat tapisan untuk proses yang sedia ada. Baik, terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul. Cuma Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, suka juga saya hendak berkongsi di sini ya. Sebenarnya pelarian-pelarian ini mereka apabila diberi status pelarian mereka tidak boleh tinggal di Malaysia untuk selama-

lamanya. Mereka sepatutnya ditempatkan di negara ketiga sama ada di Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya.

Akan tetapi yang menjadi isu kepada kita sekarang ini adalah penerimaan oleh negara-negara ketiga ini. Banyak negara *especially* US semasa pemerintahan – semasa di teraju oleh Donald Trump, mereka terus menutup langsung penerimaan kepada pelarian. Jadi ini membebankan negara kita juga. Bila keberadaan mereka ini di dalam masyarakat, sudah semestinya mereka mengambil peluang-peluang lokal ataupun orang tempatan dari segi pekerjaan dan sebagainya. Ini yang kita cuba untuk selesaikan mengadakan perundingan berkali-kali dengan pihak UNHCR ini Tuan Pengerusi.

Saya percaya kita akan menemui satu jalan yang baik sekiranya ada *good will*s daripada setiap parti yang mengadakan perbincangan itu berkaitan dengan isu Rohingya di negara kita ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Satu lagi saya hendak tanya ada dulu cuba diwujudkan *joint task force* di antara JIM dengan PDRM dan beberapa lagi. Itu bagaimana kedudukan jawatankuasa itu, *joint task force* itu?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Jawatankuasa ini memang berjalan. Ini baru fasa pertama Yang Berhormat yang kita laksanakan untuk kita menemu duga semua pelarian Rohingya yang berada dalam depot tahanan kita. Oleh sebab kita hendak dapat maklumat awal daripada mereka tujuan ke Malaysia ini sebenarnya apa. Adakah kerana nyawa yang terancam di negara mereka atau sebenarnya bakal suami yang menunggu di sini dan sebagainya. Banyak yang kita temui isu berkaitan dengan perkara ini Yang Berhormat sebenarnya.

That is why urusan untuk ingin mengadakan tapisan ini kita akan sentiasa laksanakan dari semasa ke semasa. Cuma Yang Berhormat sendiri maklum bahawa keadaan pergerakan kita yang agak terbatas ini menyebabkan juga perkara ini agak terbatas dalam masa sekarang ini. Walau bagaimanapun sekiranya tempoh pergerakan kita dah dilonggarkan, perkara ini akan diteruskan semula oleh pihak JIM dan juga PDRM Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kluang sila dan lepas itu Yang Berhormat Papar.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Datuk KSU tentang poin kedua iaitu kebenaran akses pihak UNHCR akan tertakluk kepada keputusan tapisan Kementerian Dalam Negeri. Jadi sudah keputusan yang dibuat Kementerian Dalam Negeri ini disampaikan kepada UNHCR dan mereka setuju atau tidak dengan proses ini?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, ia sebenarnya perbincangan kita dengan UNHCR dah lama diadakan Yang Berhormat. Sebelum ini pun kita telah memohon dengan mereka supaya semasa mereka membuat *assessment* di pejabat mereka,

kita minta supaya *assessment* tersebut dibuat bersama dengan pegawai JIM dan juga pegawai polis semasa mereka buat di pejabat mereka. Akan tetapi cadangan tersebut tidak menjadi realiti. Itulah yang menyebabkan berlaku sedikit orang kata ketidaksetujuan antara kedua-dua belah pihak di mana kita kata kita akan akses dulu *then* baru kita benarkan UNHCR masuk untuk membuat *assessment*. Oleh sebab sebagai *host country* kita rasa kedaulatan negara kita, kita yang mengambil inisiatif terlebih dahulu.

UNHCR juga menyedari bahawa kita *it's not*, kita bukan negara *signatory* kepada pelarian. Akan tetapi kita mengambil tindakan atas prinsip kemanusiaan, belas kasihan kepada manusia yang terdampar di negara kita. Akan tetapi saya percaya UNHCR pun adalah satu badan yang profesional yang boleh menerima apa yang telah kita bincangkan bersama.

Sebenarnya perkara ini memang kita sentiasa ada perbincangan dengan UNHCR, Imigresen *almost every two months* ada perbincangan, Kementerian Dalam Negeri sendiri, Wisma Putra, Kementerian Sumber Manusia pun kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri juga mengadakan perbincangan sebelum ini. Jadi, perkara ini tidak ada pada saya tidak ada sama ada mereka setuju ataupun tidak setuju tidak timbul isu ini pada pandangan sayalah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ok terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun: Akan tetapi saya dapati daripada dulu sampai sekarang UNHCR ini tidak dapat pun menyelesaikan masalah pelarian ini.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun: Macam di Sabah pun dari dulu sampai sekarang masih lagi. Dah beranak cucu.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: *[Ketawa]* Ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun: Jadi macam mana itu?

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Dia, saya – pandangan saya Yang Berhormat perkara ini adalah satu isu yang sangat kompleks. Kalau kita hendak tidak mengambil satu tindakan membantu pun kita akan mendapat celaan daripada negara-negara luar.

Jadi, oleh yang demikian kita cuba bersikap profesional di mana kita melihat ruang-ruang yang boleh kita temui untuk sama-sama melihat perkara ini dan akhirnya satu persetujuan dapat kita capai. Oleh sebab banyak ruang yang kita cuba *explore*. Contohnya kita berjumpa dengan pihak kedutaan Amerika dan kedutaan Australia berkaitan dengan penempatan ke negara ketiga. Akan tetapi mereka juga bergantung kepada polisi mereka negara-negara mereka sendiri. Itu yang ramai orang kata kekangan yang kita hadapi Yang Berhormat sebenarnya.

Akan tetapi dari sudut kerajaan *especially* melalui Kementerian Dalam Negeri kita memang sentiasa mencari jalan penyelesaian supaya perkara ini dapat walaupun mungkin

perlahan tetapi dapat juga kita atasi di masa akan datang. *Insyah-Allah* kita berusaha Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dari Sabah jadi saya tahulah cerita-cerita ini. Ramai PATI yang berkahwin dengan orang-orang tempatan.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Jadi yang menjadi masalah ialah apabila mereka sudah beranak pinak. Jadi susah. Ada yang tidak boleh dapat surat beranak disebabkan oleh tidak ada persamaan. Satu PATI dan satu lagi orang Sabah. Kadang-kadang yang satu ini PATI, yang satu ini orang Sabah ada IC tetapi IC dia itu tahulah IC daripada mana, jadi ada masalah.

Jadi, kalau keadaan seperti begini berlaku jadi macam mana caranya Kementerian Dalam Negeri dapat menangani. Oleh sebab kalau kita biarkan ia akan membiak. PATI sebelah sini dia sudah ada tempatnya. Jadi, yang sini pun ada, selepas itu mereka berkahwin dan membiak terlalu ramai, bergenerasi.

■1600

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Jadi, ini yang terjadi di Sabah.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Jadi, kita tidak boleh membuang mereka – kita *judge* mereka itu ini sedangkan mereka tidak tahu di mana mahu ke mana, tempatnya pun tidak tahu. Apa yang dia tahu ialah, tempatnya di Sabah dia dilahirkan.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, ya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Yang Berhormat, mungkin saya boleh *share* sedikit. Maknanya untuk isu pendatang asing di Sabah dan Sarawak, sebenarnya ada sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang memang— yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan juga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk melihat secara holistik berkaitan dengan isu masalah kewarganegaraan dan juga isu pelarian di Sabah. Oleh sebab mereka ini sebenarnya, kalau kita hendak hantar balik pun, hendak hantar balik ke mana? Negara Filipina bukan rakyat dia, awak lahir di sini. Jadi, itu sebenarnya isu yang berlaku. Akan tetapi, pada pandangan kami di KDN juga, semua pihak perlu memainkan peranan sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak kerajaan negeri juga bersama dengan kerajaan tempatan, perlu bersama-sama untuk melihat isu ini.

Untuk isu Sabah dan Sarawak ini, memang ada sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan hasil daripada sebuah suruhanjaya siasatan diraja berkaitan dengan isu kewarganegaraan di negeri Sabah dan Sarawak berkaitan dengan kewarganegaraan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat, ada sembilan syor yang daripada PAC sebelum ini, yang telah diambil tindakan oleh pihak KDN bersama dengan agensi di bawahnya dan juga bersama dengan Kementerian Sumber Manusia, ada sedikit isu tadi yang telah saya bangkitkan. Saya serahkan semula kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ahli-ahli PAC sekalian, ada soalan lanjut lagi atau tidak berkenaan dengan maklum balas kepada sembilan syor dari PAC? Okey, jika tidak ada, saya bagi pihak PAC ingin mengucapkan terima kasih kepada Datin Timbalan Ketua Setiausaha dan Datuk Ketua Setiausaha...

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: ...bersama-sama dengan KP dan saksi-saksi lain yang telah pun hadir di sesi maklum balas kita pada hari ini, hari kedualah PAC mengadakan sesi maklum balas. Semalam satu dan hari ini, dan PAC akan sambung pada hari Isnin yang akan datang.

Cuma sedikit peringatan kepada SPRM berkenaan dengan komen tadi, minta sampaikan kepada KP. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli sekalian dan juga *ex-officio* sekalian yang hadir pada hari ini. Terima kasih kepada semua.

Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Yang Berhormat, cuma— minta maaf Yang Berhormat. Cuma satu sahaja, sekiranya PAC memerlukan...mungkin maklumat lanjut dalam penyediaan laporan nanti, *we are willing to accommodate*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk KSU, terima kasih. Jika ada apa-apa perlu, pihak sekretariat akan berhubung dengan pihak kementerian. Okey, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.03 petang]

